

ANALISIS STRUKTUR INTERAKSI WACANA SIDANG MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERDASARKAN TEORI ANALISIS PERBUALAN LIDDICOAT DAN MODEL STRUKTUR INTERAKSI ASMAH

**(Analysis of the Discourse Interaction Structure of the
Malaysian Ministry of Health Media Conference based on
Liddicoat's Theory of Conversation Analysis and Asmah's
Interaction Structure Model)**

Shamin Sharif¹
shaminnsharif@gmail.com

Mohd Khairir Abdul Wahab²
mohdkhairir@usm.my

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia. ^{1&2}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Shamin Sharif & Mohd Khairir Abdul Wahab. (2023). Analisis struktur interaksi wacana sidang media Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan Teori Analisis Perbualan Liddicoat dan Model Struktur Interaksi Asmah. *Jurnal Bahasa*, 23(2), 225–258. [https://doi.org/10.37052/jb23\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb23(2)no2)

Peroleh: <i>Received:</i>	30/12/2022	Semakan: <i>Revised</i>	28/2/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	26/9/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/10/2023
------------------------------	------------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	------------

Abstrak

Dalam konteks negara Malaysia, kajian yang berkaitan dengan struktur interaksi dalam sidang media masih kurang dilakukan. Pada umumnya, sidang media merupakan suatu platform untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Persoalan yang ingin dijawab oleh pengkaji dalam kajian ini ialah sama ada sesuatu

sidang media yang dijalankan di Malaysia mempunyai struktur yang tersendiri atau tidak. Oleh itu, terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti struktur interaksi dan membincangkan susunan struktur interaksi yang terdapat dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara memuat turun rakaman daripada Youtube dan analisis kandungan teks. Bahan kajian merupakan rakaman sidang media COVID-19 pada 8 Mei 2021 yang ditranskripsikan kepada bentuk tulisan, iaitu dengan mengaplikasikan simbol transkripsi oleh Jefferson (2004). Setiap ujaran yang terdapat dalam transkripsi ini dianalisis dengan menggunakan kerangka Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat sembilan aspek struktur interaksi dalam sidang media ini, iaitu pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab, pengambilan giliran, pertindihan, pasangan bersebelahan, pembetulan dan penutup perbualan. Hal ini menunjukkan bahawa kepatuhan pemeran terhadap struktur interaksi dapat melancarkan sesi tanya jawab yang berlangsung, seterusnya membolehkan maklumat disampaikan dengan lebih jelas dan tepat. Melalui kajian ini, dapat dibuktikan bahawa sidang media di Malaysia yang melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan sidang media yang mempunyai struktur tersendiri.

Kata kunci: Struktur interaksi, Teori Analisis Perbualan Liddicoat (2011), Model Struktur Interaksi Asmah (2010), sidang media, COVID-19, transkripsi

Abstract

In the Malaysian context, there are very few studies related to interaction structure in media conferences. In general, a media conference is a platform to convey information to the society. The question that the researcher aims to answer in this study is whether a Malaysian media conference is structured or not. As such, there are two objectives in this study, namely to identify the interaction structure and to discuss the arrangement of the interaction structure found in the Ministry of Health Malaysia's COVID-19 media conference. This study uses a qualitative method by downloading a YouTube recording and analyzing the text content. The research material is a recording of the COVID-19 media conference on May 8, 2021, that was transcribed into written form, which is done by applying the transcription symbols by Jefferson (2004). Each utterance found

in this transcription was analyzed using the framework of Theory of Conversation Analysis by Liddicoat (2011) and the Interaction Structure Model by Asmah (2010). The findings of the study show that there are nine aspects of the interaction structure in this media conference, namely sequence opener, introduction of speaker, purpose statement, question and answer, turn taking, overlapping, adjacent pairs, correction and closing the conversation. This also shows that the speaker's adherence to the interaction structure facilitates the question-and-answer session, hence making the information presented to be clearer and more accurate. Through this study, it can be proven that Malaysian media conferences that involve the Malaysian Ministry of Health is a media conference with its own distinctive structure.

Keywords: *Interaction structure, Liddicoat's Theory of Conversation Analysis (2011), Asmah's Interaction Structure Model (2010), media conference, COVID-19, transcription*

PENDAHULUAN

Kajian analisis wacana menjurus kepada struktur atau peraturan lakukan komunikasi yang berlaku dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana wacana melibatkan penutur dan pendengar dalam wacana lisan dan penulis dan pembaca dalam wacana tulisan. Oleh itu, kajian analisis wacana boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, wacana tulisan yang terdapat dalam bentuk teks. Kedua, wacana lisan yang terdapat dalam bentuk perbualan. Dengan berdasarkan kajian analisis wacana, penggunaan bahasa melalui perbualan dalam satu-satu peristiwa bahasa secara tidak langsung dapat menggambarkan tindakan pemeran. Kemahiran berbahasa yang baik dapat menghasilkan soalan dan jawapan yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa berperanan sebagai alat komunikasi dan alat untuk menyatakan fikiran, selain sebagai kegiatan yang bermakna, dan menjadi sistem lambang yang dihasilkan oleh manusia (Asmah, 2011).

Perbualan merupakan peristiwa bahasa yang melibatkan dua atau lebih penutur untuk menyampaikan maklumat, mendapatkan persetujuan, menafikan dan mencungkil maklumat, serta digunakan dalam sesi tanya jawab. Peristiwa bahasa ini merupakan suatu proses berstruktur. Dalam proses ini, setiap pemeran akan saling bersoal jawab bagi mencapai matlamat interaksi tersebut. Proses yang berlaku dalam interaksi, sama

ada dirancang atau tidak dirancang, akan mewujudkan struktur interaksi (Nur Amirah, 2015). Pemeran boleh terdiri daripada satu orang, dua orang, atau lebih. Hal ini dikatakan demikian kerana pemeran mempunyai dua peranan khusus, sama ada sebagai orang yang bertanya, atau orang yang menjawab (Asmah, 2010). Hal ini jelas menunjukkan bahawa struktur interaksi mempunyai turutan tersendiri bagi membantu menyampaikan maklumat supaya lebih teratur dan bersistem.

Bahagian wacana yang akan dibincangkan dan dianalisis dalam kajian ini melibatkan interaksi dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sidang media dikategorikan sebagai wacana lisan. Sidang media melibatkan pemeran yang berkomunikasi antara satu dengan lain untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Sidang media biasanya melibatkan wartawan. Kajian ini meneliti struktur interaksi yang terkandung dalam sesi tanya jawab sepanjang sidang media berlangsung. Struktur interaksi dapat dijelaskan sebagai satu unit bahasa yang melebihi batas ayat dan boleh terdiri daripada ayat dan ujaran yang berkonteks, serta mempunyai turutan fikiran dari segi penyampaian maklumat. Dengan berdasarkan analisis perbualan pula, perbualan yang bermula, berkembang, dan berakhir dapat dilihat.

Oleh itu, struktur interaksi ini penting untuk memastikan masyarakat dapat menerima maklumat yang disampaikan. Atas sebab kepentingan tersebut, struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini dianalisis.

Pernyataan Masalah

Dewasa ini, pemeran seharusnya didedahkan mengenai aspek struktur interaksi bagi memastikan maklumat yang disampaikan jelas dan difahami semasa proses perbualan berlaku. Oleh itu, kefahaman pemeran mengenai aspek ini dapat diperaktikkan dalam kehidupan harian mereka.

Isu yang berkaitan dengan sidang media COVID-19 di luar negara biasanya dilihat dari sudut bidang kewartawanan, kesihatan, dan agenda politik. Perkara ini dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Sanchez et al. (2021) tentang sidang media COVID-19 di Mexico yang memfokuskan agenda pihak media dalam sidang media berdasarkan soalan yang diajukan oleh wartawan. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini hanya melihat hubungan yang berlaku antara kerajaan dengan wartawan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan COVID-19 (Bernadas & Llagan, 2020). Pengkaji di Malaysia pula memfokuskan kajian mengenai daya ujaran dalam perutusan wacana Perdana Menteri

(Tengku Shahrolnizam & Rohaidah, 2021), kesejajaran kesantunan bahasa dalam perutusan rangsangan ekonomi prihatin (Beden, 2020) dan COVID-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu (Junaini et al., 2020). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan memfokuskan aspek bahasa yang berkaitan dengan COVID-19, tetapi tidak dilihat dari aspek struktur interaksi. Oleh itu, pengkaji mengkaji struktur interaksi yang berlaku dalam sidang media COVID-19 KKM dalam kajian ini.

Kajian yang berkaitan dengan perbualan yang tidak terancang dilihat lebih menarik minat banyak pengkaji, seperti Sacks et al. (1974) dan Ten Have (2007). Dengan berdasarkan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian ini menfokuskan bual bicara di televisyen dalam genre yang berbeza-beza. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini juga dilihat dari sudut budaya di barat yang berbeza daripada budaya masyarakat di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang berkaitan dengan perbualan ini merupakan kajian yang baru berkembang di Malaysia pada akhir era 90-an (Roslina, 2004:1). Bertitik tolak daripada perkara ini, pengkaji ingin meneliti kewujudan struktur interaksi dalam sidang media di Malaysia. Kefahaman penutur terhadap aspek struktur interaksi ini dilihat sangat penting untuk membolehkan sidang media yang berlangsung itu difahami dengan baiknya oleh masyarakat.

Pada dasarnya, sesebuah perbualan adalah tidak berstruktur. Hal ini sejajar dengan pandangan Wooffitt (2005) yang menyatakan bahawa perbualan merupakan sesuatu yang tidak tersusun, tidak terancang dan tidak ada peraturan. Namun begitu, struktur perbualan mempunyai kesinambungan berdasarkan konteks situasi perbualan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Nur Amirah (2015:112) dan Azean Idruwani (2018:1), perbualan berlaku secara semula jadi walaupun tanpa dirancang dan tidak berpandukan skrip, tetapi struktur perbualan masih dipatuhi oleh pemeran. Keberkesanan sesuatu wacana bergantung pada kekuatan aspek struktur interaksi yang disusun oleh pemeran tersebut. Dalam hal ini, struktur interaksi merupakan aspek yang penting untuk dianalisis kerana dapat memberikan gambaran yang lebih luas mengenai kepentingan aspek tersebut (Hutchby, 2005). Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian terhadap struktur interaksi bagi mendapatkan kepastian, sama ada wujud perbualan berstruktur atau tidak berstruktur dalam sidang media COVID-19 KKM.

Melalui pernyataan masalah ini, pengkaji meneliti struktur interaksi dalam sidang media. Sehingga kini, masih terdapat kekurangan terhadap kajian yang berkaitan dengan sidang media dari aspek struktur interaksi.

Objektif Kajian

Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Membincangkan susunan struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan fokus kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan dengan struktur interaksi dan analisis perbualan.

Liddicoat (2011) melakukan kajian tentang analisis perbualan. Analisis perbualan merupakan kajian tindakan sosial yang bertujuan untuk menyiasat peraturan sosial melalui perbualan harian. Analisis perbualan tidak memfokuskan perbezaan antara perbualan rasmi dengan perbualan tidak rasmi, sebaliknya perbincangan dalam proses sosial dan pemahaman terhadap situasi sosial tersebut. Data yang dianalisis dalam analisis perbualan ialah perbualan yang berlaku secara semula jadi. Perbualan perlu dirakam terlebih dahulu sebelum proses transkripsi dilakukan. Transkripsi bukan pengganti rakaman asli, tetapi alat tambahan yang boleh digunakan untuk membantu menganalisis dan memahami rakaman tersebut. Antara aspek yang dibincangkan oleh Liddicoat (2011) termasuklah pengambilan giliran, jurang dan pertindihan, pasangan bersebelahan, perkembangan urutan, pembetulan, pembuka perbualan, penutup perbualan dan penceritaan dalam perbualan. Secara keseluruhannya, semua aspek ini berperanan dalam perbualan. Hal ini dikatakan demikian kerana kelancaran perbualan akan lebih teratur apabila mematuhi aspek perbualan.

Selain itu, Clayman (2013) turut membuat kajian yang berkaitan dengan analisis perbualan yang terdapat dalam wawancara berita. Wawancara berita merupakan bentuk organisasi yang khusus dan disesuaikan dengan pelbagai konteks. Wawancara ini dapat mencerminkan hubungan antara wartawan dengan kerajaan. Dalam wawancara, giliran ditentukan berdasarkan peraturan yang bersesuaian bagi mengehadkan soalan wartawan dan jawapan kerajaan. Oleh itu, pengambilan giliran yang dilihat dalam konteks kajian ini memfokuskan wawancara, iaitu pemeran memahami peraturan soal jawab. Hal ini dikatakan demikian kerana wawancara tersebut berbeza daripada perbualan biasa. Namun

begitu, wawancara berita ini tidak mempunyai struktur interaksi secara keseluruhan. Aspek pembuka dan penutup berbeza daripada perbualan biasa. Oleh itu, aspek penutup dijelaskan dengan memberikan perhatian khusus terhadap persoalan yang diajukan, menenangkan situasi wawancara dan menyelesaikan masalah yang berlaku.

Nur Amirah (2020) membincangkan ambil giliran bertutur dalam bual bicara radio IKIM FM. Radio IKIM FM satu daripada radio yang berdaftar dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan menggunakan 95% bahasa Melayu untuk menyampaikan apa-apa maklumat. Data kajian memfokuskan slot Keajaiban Berlapar menerusi Usrah Nurani segmen Destinasi dengan mengaplikasikan Teori Pengambilan Giliran yang dipelopori oleh Sacks et al. (1974) yang dikembangkan semula oleh Liddicoat (2011). Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga peraturan pengambilan giliran yang dikemukakan dalam Teori Pengambilan Giliran oleh Liddicoat (2011) dipatuhi oleh peserta bual bicara radio. Antaranya termasuklah penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya, dan penutur semasa meneruskan perbualan. Walau bagaimanapun, cara menamakan penutur lebih cenderung digunakan oleh peserta kerana penutur semasa mempunyai maklumat spesifik mengenai penutur berikutnya. Oleh itu, penutur berikutnya yang dipilih lebih cenderung untuk mengambil giliran apabila dipilih oleh penutur semasa. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan aspek pengambilan giliran dan tidak melihatnya dari sudut struktur interaksi yang lain. Oleh itu, setiap peserta perbualan dalam bual bicara radio ini memainkan peranan masing-masing untuk melancarkan perbualan yang berlaku.

Azean Idruwani (2018) melakukan kajian mengenai susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan Wanita Hari Ini. Dalam kajiannya, pengkaji ini mengenal pasti struktur turutan interaksi, membincangkan susunan turutan interaksi dan menganalisis dominan interaksi dalam program pengacaraan. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis perbualan oleh Heritage (1992), Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010) dan unsur celahan oleh Roslina (2004). Struktur interaksi terbahagi kepada tiga tahap, iaitu pembuka perbualan, isi perbualan dan penutup perbualan. Prinsip susunan interaksi pula terdiri daripada pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, pasangan berdampingan, kecenderungan turutan yang disenangi, ketidakcenderungan turutan yang tidak disenangi, praturutan, sisipan, celahan dan penutup turutan yang terkandung dalam

program pengacaraan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa struktur interaksi dalam program pengacaraan ini berlaku secara semula jadi tanpa dirangka oleh pemeran, tetapi perbualan tersebut tetap mempunyai strukturnya yang tersendiri. Hasil penelitian mendapati bahawa pasangan berdampingan mendominasi susunan struktur interaksi. Hal ini dikatakan demikian kerana kelima-lima aspek pasangan berdampingan dipatuhi oleh pemeran dalam program pengacaraan ini. Melalui kajian ini, pengkaji membuktikan bahawa wacana perbualan didasari oleh satu set peraturan yang stabil dan lebih tersusun kerana penutur dan pendengar memahami setiap ujaran yang disampaikan. Oleh itu, hal ini bukan sahaja membantu kelancaran berbahasa, tetapi juga mewujudkan kefahaman dalam perbualan antara pemeran. Kajian ini mirip dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, tetapi fokusnya yang berbeza menjadikan kajian ini satu daripada usaha penulis untuk memperluas kajian dalam aspek struktur interaksi.

Roslina et al. (2012) pula membincangkan celahan dalam perbualan pemandu pelancong Malaysia dan pelancong Jepun. Dalam kajian tersebut, pengkaji ini mengenal pasti bentuk celahan yang dilakukan oleh pemandu pelancong Malaysia terhadap pelancong Jepun dan sama ada celahan yang berlangsung antara pemandu pelancong dengan pelancong Jepun boleh mengganggu seluruh perbualan atau sebaliknya. Kajian ini melibatkan empat orang informan yang terdiri daripada dua orang pemandu pelancong dan dua orang pelancong Jepun. Transkripsi dihasilkan berdasarkan simbol Usami (2000). Hasil kajian membuktikan bahawa pemandu pelancong mahir berbahasa Jepun dan boleh memberikan maklum balas secara spontan kepada pelancong. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu dibaiki oleh pemandu pelancong, iaitu sebutan dan penggunaan morfem. Kelancaran perbualan terganggu disebabkan oleh pemandu pelancong yang mencelah percakapan pelancong sehingga mengakibatkan pelancong tersebut terdiam dan tidak meneruskan ujarannya. Melalui kajian ini, terdapat dua bentuk celahan yang digunakan dalam perbualan bahasa Jepun antara pemandu pelancong dengan pelancong Jepun, iaitu celahan yang mengganggu perbualan dan celahan yang membantu perbualan. Oleh itu, kajian ini menumpukan pemandu pelancong yang bertutur menggunakan bahasa Jepun ketika menangani halangan komunikasi untuk bertutur dengan pelancong Jepun.

Dengan berdasarkan hasil kajian ini, jelaslah bahawa kajian lepas hanya memfokuskan aspek tertentu dalam interaksi. Antaranya termasuklah aspek pengambilan giliran, celahan, pasangan bersebelahan dan sebagainya. Melalui penelitian ini, didapati bahawa pengkaji hanya memfokuskan aspek tertentu, bukannya seluruh aspek sidang media. Tuntasnya, perbualan bukan sekadar membentuk kata atau menyampaikan maklumat, tetapi melakukan tindakan sosial. Perbualan yang berlaku dalam interaksi bersifat teratur. Perbualan juga disusun secara berurutan, iaitu dengan memberikan tumpuan kepada penutur yang bergilir-gilir bercakap, seterusnya membolehkan kita memahami dan mentafsirkan konteks interaksi tersebut.

METODOLOGI

Menurut Creswell dan Creswell (2018:53) kaedah kajian merujuk penyelidikan yang melibatkan bentuk pengumpulan data, analisis dan tafsiran yang dicadangkan oleh pengkaji untuk kajiannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara memuat turun rakaman daripada Youtube dan analisis kandungan teks. Pengkaji mendengar rakaman audio sidang media sebelum menghasilkan transkripsi dalam bentuk bertulis. Hal ini dikatakan demikian kerana data yang dihasilkan secara bertulis akan membantu pengkaji untuk mengesan struktur interaksi yang terdapat dalam sidang media ini. Data yang dihasilkan dalam bentuk bertulis akan diuraikan secara deskriptif dengan menggunakan Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan diperkuuh dengan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010) dalam konteks masyarakat di Malaysia.

Data kajian ini diperoleh berdasarkan penghasilan transkripsi daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan. Penghasilan transkripsi dibuat berdasarkan sistem transkripsi yang dikembangkan oleh Jefferson (1985, 2004) kerana sistem ini sesuai digunakan untuk menganalisis data perbualan secara terperinci. Simbol Jefferson (2004) yang digunakan oleh pengkaji dalam penghasilan data ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Simbol transkripsi dan singkatan kata.


Simbol/Singkatan	Maksud
[Pertindihan; mula
]	Pertindihan; tutup
[]	Pertindihan berlaku pada masa sama sekiranya pada tempat yang sama
=	Pasangan bersebelahan
(8.0)	Tidak bersuara; senyap
(.)	Saat berhenti/mikrojeda
(())	Aktiviti bukan lisan (bunyi dan sebagainya)
()	Ujaran yang tidak jelas
(tekaan)	Tekaan untuk ujaran yang tidak jelas
_____	Penekanan
><	Rentak ujaran bertambah cepat
<>	Rentak ujaran semakin menurun
↑	Nada turun
↓	Nada naik

Jadual 1 menunjukkan simbol transkripsi perbualan Jefferson (2004). Pengkaji menggunakan simbol ini untuk menghasilkan transkripsi bagi menganalisis data. Penggunaan simbol ini digunakan oleh Liddicoat (2011) untuk menganalisis kajiannya yang berkaitan dengan analisis perbualan. Namun begitu, tidak semua simbol transkripsi ini diaplikasikan dalam transkripsi pengkaji. Pengkaji hanya menggunakan simbol yang berkaitan untuk merakam perbualan ketika sidang media berlangsung.

Kerangka Teori

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) yang memfokuskan kajian mengenai perbualan. Pendekatan Liddicoat (2011) menjadikan pendekatan analisis perbualan Sacks et al. (1974) sebagai asas bagi kajian beliau. Peralihan masa menyebabkan Liddicoat (2011) mengembangkan kajian dalam bidang analisis perbualan ini dan beberapa aspek tertentu dalam kajianya. Dengan berdasarkan teori ini, terdapat tujuh aspek dalam analisis perbualan. Aspek yang terdapat dalam teori ini ialah pembuka perbualan, pengambilan giliran, jurang dan pertindihan dalam pengambilan giliran, pengembangan urutan, pembetulan, penceritaan dalam perbualan dan penutup perbualan. Data yang digunakan untuk analisis ialah perbualan yang berlaku secara semula jadi. Perbualan yang berlaku dalam bentuk lisan ditranskripsikan kepada bentuk tulisan dengan cara mengaplikasikan sistem simbol Jefferson (2004). Sistem transkripsi sesuai digunakan untuk analisis perbincangan secara terperinci. Melalui sistem ini, pengkaji dapat memahami cara bahasa digunakan dalam interaksi sosial.

Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010) satu daripada komponen dalam peristiwa bahasa. Terdapat lima komponen bahasa yang berlaku dalam struktur interaksi. Komponen tersebut ialah pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan penutup. Asmah (2010) memperkenalkan model ini berdasarkan aspek budaya dan masyarakat di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat di Malaysia dan di negara Barat tidak mempunyai persamaan antara satu dengan lain. Oleh itu, pengkaji memilih pendekatan Asmah (2010) untuk membolehkan kajian yang berkaitan dengan interaksi dapat dilihat dari sudut masyarakat di Malaysia. Menurut Asmah (2010), peristiwa bahasa bermaksud kegiatan bahasa yang melibatkan pemeran, latar, saluran komunikasi, kandungan perbualan atau perbincangan, peraturan interaksi dan struktur interaksi. Peristiwa bahasa melibatkan dua orang pemeran atau lebih dan bersifat interaktif. Kerangka Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah ini ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010).

Rajah 1 menunjukkan gabungan kerangka Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010). Kajian ini hanya memfokuskan aspek pembuka turutan, pengambilan giliran, pasangan bersebelahan, pertindihan, pembetulan dan penutup perbualan yang dikemukakan oleh Liddicoat (2011). Dengan berdasarkan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010), pula kajian ini memfokuskan lima aspek struktur interaksi, iaitu pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan penutup perbualan. Proses yang ditunjukkan dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa kerangka teori ini dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu pembuka perbualan, isi perbualan dan penutup perbualan. Pembuka perbualan terdiri daripada pembuka turutan, pengenalan pemeran dan pernyataan tujuan. Tahap kedua, iaitu isi perbualan merujuk tanya jawab, pengambilan giliran, pasangan bersebelahan, pertindihan dan pembetulan. Tahap ketiga pula ialah penutup perbualan yang merujuk penutup keseluruhan perbualan. Kedua-dua teori dan model ini akan diaplikasikan oleh pengkaji untuk menganalisis data kajian. Namun begitu, pengkaji hanya akan memfokuskan aspek tertentu dalam kajian ini. Dalam kajian ini, sebanyak sembilan aspek yang terpilih akan dibincangkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji membincangkan objektif kajian, iaitu mengenal pasti dan membincangkan struktur interaksi sidang media COVID-19 KKM. Liddicoat (2011) mengutarakan pendapat yang berkaitan dengan pembuka perbualan dan penutup perbualan sahaja. Asmah (2010) pula menyatakan pendapat mengenai pembuka perbualan, isi perbualan dan penutup perbualan. Oleh itu, pengkaji akan mengenal pasti struktur perbualan berdasarkan perkara yang dinyatakan oleh Liddicoat (2011) dan Asmah (2010), iaitu pembuka perbualan, isi perbualan dan penutup perbualan. Penutur yang terlibat dalam sidang media ini ialah Tan Sri Dr. Noor Hisham (TSDNH) dan sembilan orang wartawan. Tan Sri Dr. Noor Hisham berperanan sebagai penutur yang akan menjawab setiap soalan yang diajukan oleh wartawan.

Dengan berdasarkan penelitian terhadap sidang media berkenaan COVID-19 oleh KKM pada 8 Mei 2021, pengkaji mendapati bahawa susunan struktur interaksi terbahagi kepada sembilan aspek, iaitu pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab, pengambilan giliran, pasangan bersebelahan, pertindihan, pembetulan dan penutup perbualan.

Pembuka Perbualan

Pembuka perbualan merujuk perbualan yang akan dimulakan oleh penutur, iaitu sebagai kata alu-aluan untuk memulakan perbualan. Bagi pembuka perbualan, pemerhatian pengkaji menunjukkan bahawa sidang media COVID-19 KKM ini mengandungi aspek pembuka turutan, pengenalan pemeran dan pernyataan tujuan.

Pembuka Turutan

Pembuka turutan merupakan permulaan yang berlaku dalam ses sebuah perbualan. Biasanya, pembuka turutan muncul dalam pelbagai bentuk dan dipengaruhi oleh situasi, konteks dan penutur yang memulakan perbualan. Menurut Asmah (2010:52), pembuka turutan timbul berdasarkan kehendak sosial. Secara tidak langsung, hal ini dapat menunjukkan niat pemeran yang ingin mengajukan soalan dan penutur seterusnya akan memberikan maklum balas. Contoh transkripsi yang menunjukkan pembuka turutan ini dapat diperhatikan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Transkripsi yang menunjukkan pembuka turutan.

Baris	Pemeran	Transkripsi
1	TSDNH	Dan itu sahaja pembentangan saya pada petang ini. Kalau ada apa-apa soalan saya buka kepada sebarang aaa ... pertanyaan. Dipersilakan. (4.0)

Jadual 2 menunjukkan bahawa TSDNH memulakan sesi tanya jawab ini dengan memberikan pernyataan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembuka perbualan timbul berdasarkan konteks sosial (Asmah, 2010). Secara tidak langsung, pembuka perbualan menunjukkan niat pemeran untuk memulakan perbualan dengan penutur lain. Dalam hal ini, TSDNH bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada wartawan bahawa sesi tanya jawab akan bermula. Oleh itu, wartawan akan bersiap sedia dengan soalan yang akan diajukan. Hal ini juga menunjukkan bahawa TSDNH memulakan sesi tanya jawab dengan memberikan kata alu-aluan terlebih dahulu sebelum meneruskan sesi seterusnya. Penggunaan ujaran **Dipersilakan** oleh TSDNH menunjukkan bahawa wujudnya hubungan

sosial antara beliau dengan wartawan. Walaupun terdapat perbezaan pangkat antara TSDNH dengan wartawan, beliau mengekalkan hubungan baik dengan wartawan melalui penggunaan bahasa yang baik. Kuasa dapat dilihat dalam konteks sidang media COVID-19 KKM ini kerana TSDNH bertindak selaku penutur yang akan memulakan sesi tanya jawab. Hal ini dikatakan demikian kerana TSDNH merupakan individu yang berpengaruh dan berperanan penting dalam sidang media ini.

Namun begitu, dalam sesi tanya jawab sidang media ini, pembuka turutan bagi sesi tanya jawab tidak dimulakan dengan kata sapaan, seperti memberikan salam melalui ucapan *Selamat pagi* dan *Assalamualaikum*. Liddicoat (2011) menyatakan bahawa salam merupakan perkara asas yang berlaku dalam sesebuah perbualan, tetapi tidak semua pembuka perbualan perlu dimulakan dengan memberikan salam. Oleh itu, sesi tanya jawab ini masih dapat diteruskan walaupun penggunaan kata sapaan tidak digunakan oleh TSDNH untuk memulakan perbualan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembuka turutan boleh hadir dalam pelbagai bentuk dan dipengaruhi oleh situasi, konteks dan penutur yang memulakan perbualan (Asmah, 2010). Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam konteks sidang media ini, TSDNH memulakan pembuka turutan sesi tanya jawab dengan mempersilakan wartawan untuk mengajukan soalan.

Pengenalan Pemeran

Pengenalan pemeran merupakan tindakan wartawan yang berperanan sebagai pemeran memperkenalkan dirinya sebelum mengajukan soalan kepada TSDNH (Asmah, 2010). Biasanya, pengenalan pemeran akan dimulakan oleh penutur yang menerima giliran. Penutur tersebut akan memperkenalkan dirinya kepada penutur seterusnya. Contoh transkripsi yang menunjukkan pengenalan pemeran ini dapat dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3 Transkripsi yang menunjukkan pengenalan pemeran.

Baris	Pemeran	Transkripsi
10	Wartawan 4	Tan Sri. Aaa ... Mohar daripada RTM (.) Saya ada dua soalan. Yang pertama Tan Sri telah menjelaskan bahawa menjelang pertengahan Mei mungkin kes akan meningkat aaa ... 5000 ke atas. Jadi melihat kepada (.) peningkatan kes dan wujud varian baru. Apakah KKM sendiri mempunyai perancangan untuk <u>mencadangkan</u> kepada MKN untuk mewujudkan semula seperti PKP 1.0. Di mana Tan Sri sendiri pernah menyatakan bahawa <u>penguasaan</u> PKP 1.0 telah berjaya mengurangkan kes secara mendadak ketika dilancar, ketika dilakukan pada 18 Mac yang lalu (.) Dan yang kedua aaa ... berkenaan dengan bilangan katil di wad rawatan rapi dalam keadaan kapasiti penuh. Sekarang, kami dimaklumkan bahawa pembedahan elektif di hospital turut ditangguhkan bagi: aaa... untuk menjimatkan aaa ... katil ini. Komen sikit Tan Sri.

Dalam Jadual 3, wartawan 4 memperkenalkan dirinya terlebih dahulu sebelum mengajukan soalan kepada TSDNH. Pengenalan pemeran ini dilakukan untuk memaklumkan latar belakang pemeran yang terlibat. Wartawan ini memulakan perbualan dengan menggunakan rujukan kehormat **Tan Sri** bagi merujuk TSDNH. Rujukan kehormat merupakan gabungan gelaran kurniaan oleh kerajaan yang diberikan kepada individu tertentu (Asmah, 2010:5–6). Dengan berdasarkan konteks sidang media rasmi ini, terdapat rujukan kehormat yang merujuk TSDNH. Beliau mempunyai pangkat yang tinggi dan memegang jawatan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Wartawan 4 juga menyatakan maklumat dirinya yang meliputi nama dan agensi penyiarannya. Namun begitu, maklumat tersebut hanyalah merujuk nama ringkas yang ditunjukkan melalui kata nama **Mohar** dan singkatan **RTM** bagi merujuk Radio Televisyen Malaysia. Wartawan 4 memilih untuk memberikan maklumat dirinya bagi mendedahkan bahawa beliau merupakan seorang wartawan daripada RTM. Melalui pengenalan pemeran ini, jelaslah bahawa terdapat perbezaan pangkat sosial antara TSDNH dengan wartawan. TSDNH mempunyai

gelaran Tan Sri dan berjawatan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berbanding dengan wartawan yang tidak mempunyai gelaran atau pangkat. Oleh itu, pengenalan pemeran dapat menunjukkan kewujudan perbezaan taraf sosial dalam sidang media ini.

Pernyataan Tujuan

Pernyataan tujuan ialah lakuan bahasa yang mengungkapkan fikiran untuk menyatakan atau memberikan maklumat tentang sesuatu (Asmah, 2010). Pernyataan tujuan berperanan untuk menyatakan tujuan perbualan yang dinyatakan oleh penutur yang terlibat. Contoh transkripsi yang menunjukkan pernyataan tujuan ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Transkripsi yang menunjukkan pernyataan tujuan.

Baris	Pemeran	Transkripsi
6	Wartawan 2	Assalamualaikum Tan Sri (.) Tan Sri, aaa ... ada premis atau pihak yang menjadikan suntikan vaksin sebagai satu syarat untuk menggunakan perkhidmatan mereka. Sebagai contoh ada pusat dialisis mewajibkan pesakit buah ... aaa ... buah pinggang untuk aaa ... ada suntikan sebelum dia mendapatkan dialisis. So, adakah mereka dibenarkan membuat aaa ... [macam tu.]

Jadual 4 jelas menunjukkan pernyataan tujuan yang diujarkan oleh wartawan 2 dengan menggunakan ayat penyata, iaitu **Assalamualaikum Tan Sri (.) Tan Sri, aaa ... ada premis atau pihak yang menjadikan suntikan vaksin sebagai satu syarat untuk menggunakan perkhidmatan mereka.** Ayat penyata atau ayat berita ialah ayat untuk menyampaikan berita, tetapi tidak mensyaratkan kewujudan gerak balas baik yang bersifat kebahasaan mahupun bersifat perbuatan fizikal (Asmah, 2009). Dalam sidang media ini, wartawan 2 menyapa TSDNH, iaitu dengan memberikan salam kepada beliau dan menggunakan rujukan kehormat Tan Sri bagi merujuk TSDNH. Tujuan yang dapat dilihat dalam sidang media COVID-19 KKM ini ialah tujuan wartawan 2 mengajukan soalan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan penjelasan mengenai syarat yang ditetapkan oleh premis bagi membolehkan perkhidmatan mereka digunakan. Syaratnya adalah dengan mendapatkan vaksin terlebih

dahulu. Tujuan yang dinyatakan ini dapat memberikan gambaran yang berkaitan dengan topik soalan yang akan diajukan kepada TSDNH. Cara untuk menyatakan tujuan pula dilihat berdasarkan bentuk soalan yang dikemukakan oleh pemeran, sama ada secara terus terang atau secara kiasan. Perkara ini juga dapat dilihat pada soalan yang diajukan oleh wartawan 2, iaitu **So, adakah mereka dibenarkan membuat aaa ... macam tu**. Oleh itu, hal ini membantu TSDNH memahami soalan atau perkara yang diajukan oleh wartawan 2.

Isi Perbualan

Dengan berdasarkan sidang media COVID-19 KKM ini, isi perbualan yang dikenal pasti ialah tanya jawab, pengambilan giliran, pasangan bersebelahan, pertindihan dan pembetulan.

Tanya Jawab

Pertanyaan merupakan kaedah yang paling kerap digunakan dalam kaedah temu bual atau wawancara, iaitu dengan menggunakan ayat tanya. Tanya jawab berlaku apabila seorang daripada pemeran ingin mendapatkan maklumat dan pemeran seterusnya memberikan maklumat balas kepada pemeran tersebut. Dalam kajian ini, tanya jawab merupakan interaksi yang berlaku antara TSDNH dengan wartawan dalam sesi tanya jawab sidang media COVID-19 KKM.

Pertanyaan terbuka merujuk pertanyaan yang memerlukan jawapan secara umum. Hal ini dikatakan demikian kerana pertanyaan terbuka dapat memberikan ruang kepada penutur lain untuk mengajukan soalan dan mendapatkan maklumat yang lebih jelas. Pertanyaan terbuka ditandai oleh kata tanya, seperti **apa, siapa, berapa, bila, dan bagaimana** (Asmah, 2010:29). Jawapan bagi pertanyaan terbuka adalah selain daripada nilai benar. Nilai benar pula merujuk jawapan yang diberikan, sama ada “ya” atau “tidak”. Kedua-dua jenis pertanyaan ini dapat dikesan perbezaannya pada bentuk atau konteks ayat yang digunakan. Contoh transkripsi yang menunjukkan tanya jawab ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Transkripsi yang menunjukkan tanya jawab.

Baris	Pemeran	Transkripsi
4	Wartawan 1	Jadi, adakah berada, belum memasuki gelombang keempat?
5	TSDNH	Jadi (...) kita juga sekarang ni melihat kepada aaa.. peningkatan kes sama ada aa ... baa ... kalau kita lihat sekarang ni PKP 2.0 adalah se ... kesinambungan daripada PKP aaa ... gelombang ketiga, iaitu kita tak dapat meratakan keluk tersebut tetapi disambung sebab ada <i>non-compliance</i> . Kes meningkat mengikut unjuran warna merah. Jadi, bila mengikut unjuran warna men ... merah aaa ... kita akan memantau sama ada ini adalah varian yang baru ataupun jangkitan yang baru, kita pasti. Jadi, kita lihat sini, iaitu kalau ini adalah kesinambungan kepada PKP 3.0 sama ada dia adalah varian baru kita tak pasti dan sama ada gelombang baru kita lihat aa ... itu adalah satu kesinambungan pada gelombang ketiga.

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat pertanyaan terbuka dalam sidang media COVID-19 pada 8 Mei 2021. Soalan yang diajukan oleh wartawan 1 kepada TSDNH menggunakan kata tanya **adakah**, iaitu berkenaan isu gelombang keempat COVID-19 yang berlaku di Malaysia. Penggunaan kata tanya oleh wartawan 1 juga jelas menunjukkan bahawa wartawan tersebut ingin memberikan penekanan mengenai soalan yang diajukan. Soalan yang diajukan kepada TSDNH ini memerlukan maklum balas yang jelas dan terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya TSDNH memberikan jawapan yang kabur, maklumat yang disampaikan itu tidak jelas, seterusnya menyebabkan rakyat semakin bimbang tentang situasi semasa di Malaysia. Oleh itu, tanya jawab ini berbentuk pertanyaan terbuka kerana jawapan yang diberikan juga memerlukan jawapan yang terbuka dan jelas.

Pengambilan Giliran

Pengambilan giliran merupakan unit paling asas yang terdapat dalam struktur perbualan. Penutur seharusnya berinteraksi dengan penutur yang

akan bercakap seterusnya. Oleh itu, pengambilan giliran lebih teratur dan tersusun. Liddicoat (2011) membahagikan pengambilan giliran kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Penutur semasa memilih penutur berikutnya.
2. Pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya.
3. Penutur semasa meneruskan ujaran.

1. Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya

Penutur semasa merujuk peserta perbualan yang memiliki giliran untuk bertutur pada ketika itu. Penutur berhak memilih mana-mana penutur lain untuk mengambil giliran seterusnya. Pemilihan penutur seterusnya oleh penutur semasa boleh dilakukan dengan menamakan penutur tersebut atau tanpa menamakan penutur. Apabila penutur semasa tidak menamakan penutur seterusnya, dia mungkin akan memberikan syarat dari segi bahasa badan atau melalui pandangan mata untuk merujuk penutur seterusnya. Sekiranya penutur semasa telah memilih penutur seterusnya, penutur tersebut seharusnya mengambil giliran dan meneruskan ujaran. Oleh itu, proses pengambilan giliran akan berlaku selepas penutur seterusnya mengambil giliran (Liddicoat, 2011). Dalam kajian ini, contoh transkripsi yang menunjukkan penutur semasa memilih penutur berikutnya ini dapat dilihat dalam Jadual 6.

Jadual 6 Transkripsi yang menunjukkan penutur semasa memilih penutur berikutnya.

Baris	Pemeran	Transkripsi
8	Wartawan 3	(hh) Saya Tan Sri . Aaa ... <i>I want to ask you about the Indian COVID-19 varian (.) Can you explain how the difference the aaa ... Indian varian. How infection it is and also can you explain aaa... if those been immunized in vaccinated, are they are safe from the strain? Thank you.</i>
9	TSDNH	<i>At the moment, aaa ... the Indian strain or double notation had been detected on the 10 of April. And we only have 1 case. So we are waiting for the reports aaa ... from World Health Organization.</i>

Sambungan Jadual 6.

Baris	Pemeran	Transkripsi
		<i>So far ↑ there only three strain under variant of concern UK strain, South Africa strain and Brazlian strain. () we are observing very closely and follow the report aaa ... but in aaa ... in UK they included Indian double notation as a surveillance of concern. But we have not. But we observing very closely aaa ... and to look into the infectivity and the variant of the strains. So I think we need more information from aaa ... other country because we only have 1 case.</i>

Jadual 6 menunjukkan bahawa penutur semasa memilih penutur seterusnya untuk mengambil giliran. Hal ini dapat dilihat apabila wartawan 3 menyapa TSDNH dengan gelaran **Tan Sri** untuk merujuk TSDNH. Dengan berdasarkan kata sapaan tersebut, jelaslah bahawa wartawan tersebut memilih TSDNH untuk menjadi penutur seterusnya bagi menjawab soalan yang diajukan oleh wartawan. Ujaran **Thank you** pula menunjukkan bahawa wartawan mengakhiri soalan sebelum TSDNH mengambil giliran seterusnya. Menurut Liddicoat (2011), penutur semasa yang memilih penutur berikutnya dapat membuktikan bahawa perbualan tersebut telah dirancang. Oleh itu, sistem pengambilan giliran lebih tersusun kerana penutur seterusnya mengetahui gilirannya selepas penutur semasa memberikan ujaran.

2. Pemilihan Diri Sendiri sebagai Penutur Berikutnya

Biasanya, perbualan berlaku pada tempat transisi relevans (TRP). Pada waktu itu, kesenyapan berlaku apabila penutur semasa menamatkan ujaran. Jika penutur semasa menamatkan ujaran dan tidak memilih penutur seterusnya, penutur lain berhak mengambil giliran untuk memastikan perbualan tersebut tidak tergantung atau berhenti separuh jalan. Perkara ini dapat menunjukkan kepentingan peranan setiap penutur untuk bertindak mengambil giliran jika suasana perbualan menjadi senyap dalam masa yang panjang. Namun begitu, pengambilan giliran juga boleh mengakibatkan berlakunya pertindihan kerana setiap penutur tidak mengetahui penutur seterusnya yang akan meneruskan ujaran. Contoh transkripsi yang menunjukkan pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya ini ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 Transkripsi yang menunjukkan pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya.

Baris	Pemeran	Transkripsi
6	Wartawan 2	Assalamualaikum Tan Sri (.) Tan Sri, aaa ... ada premis atau pihak yang menjadikan suntikan vaksin sebagai satu syarat untuk menggunakan perkhidmatan mereka. Sebagai contoh ada pusat dialisis mewajibkan pesakit buah ... aaa ... buah pinggang untuk aaa ... ada suntikan sebelum dia mendapatkan dialisis. <i>So</i> , adakah mereka dibenarkan membuat aaa ... [macam tu].

Jadual 7 menunjukkan pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya. Pemilihan diri sendiri ini berlaku apabila tiada mana-mana penutur yang bertindak untuk mengambil giliran seterusnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pemilihan diri sendiri ini dapat mengelakkan keadaan senyap berlaku dalam tempoh masa yang lama. Oleh itu, apabila TSDNH selesai memberikan ujaran sebelumnya, wartawan 2 bertindak untuk memilih dirinya sebagai penutur berikutnya. Oleh itu, proses pengambilan giliran dapat berlaku apabila terdapat penutur yang mengambil giliran. Keadaan ini bagi memastikan bahawa tidak berlaku sebarang pertindihan dan proses pengambilan giliran antara wartawan menjadi lebih teratur dan lancar.

3. Penutur Semasa Meneruskan Ujaran

Dengan berdasarkan konteks ini, biasanya penutur semasa perlu meneruskan ujaran apabila penutur seterusnya yang dipanggil atau disebut tidak mengambil giliran seterusnya. Oleh itu, penutur semasa seharusnya bertindak mengambil giliran dengan cara, sama ada meneruskan perbualan atau menamatkan perbualan. Hal ini dikatakan demikian kerana jika penutur semasa tidak meneruskan ujaran, perbualan tersebut tergantung kerana tidak ada penutur seterusnya yang mengambil giliran. Dalam keadaan seperti ini, penutur semasa perlu mengambil tindakan dengan meneruskan ujarannya. Contoh transkripsi yang menunjukkan penutur semasa meneruskan ujaran ini dapat dilihat dalam Jadual 8.

Jadual 8 Transkripsi yang menunjukkan penutur semasa meneruskan ujaran.

Baris	Pemeran	Transkripsi
31	TSDNH	<i>Aaa ... And we hopefully can give us a period of two weeks than can give us a buffer in terms of aaa ... to prepare yourself (...) We can organize ourself and probably bring down the cases and our hospital can settle that patient infected patient with COVID-19.</i> (0.2)
32	TSDNH	Ok kalau tak ada soalan sekali lagi saya sekali lagi mengucapkan terima <u>kasih</u> kepada semua yang hadir pada sesi sidang akhbar hari ini dan saya mengingatkan diri saya sendiri untuk kita patuh kepada SOP. Kita kena jaga kita, kita kena jaga keluarga kita, kita kena jaga komuniti kita dan kita kena jaga negara. Wabillahi taufiq wal hidayah. Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Selamat berpuasa dan selamat berbuka.

Jadual 8 menunjukkan bahawa penutur semasa meneruskan ujaran apabila tidak ada penutur lain yang mengambil giliran. Perkara ini merujuk TSDNH yang menjawab soalan yang diajukan oleh wartawan sebelumnya dan menunggu selama dua saat sebelum meneruskan ujaran seterusnya. Baris 32 jelas menunjukkan bahawa TSDNH meneruskan ujaran dengan menamatkan sesi tanya jawab antara beliau dengan wartawan. Beliau mengakhiri sesi tanya jawab dengan mengucapkan terima kasih, serta mengucapkan selamat berpuasa dan selamat berbuka bagi merujuk masyarakat yang beragama Islam. Perkara ini menunjukkan bahawa TSDNH peka terhadap keadaan sekeliling, lalu memilih untuk menamatkan sesi tanya jawab tersebut. Beliau bertindak untuk mengambil giliran dengan menutup sesi tanya jawab kerana tempoh masa sesi tersebut telah tamat. Oleh itu, TSDNH memilih untuk meneruskan ujarannya supaya sesi tanya jawab tersebut tidak berlangsung dalam tempoh yang lebih lama.

Pertindihan

Pertindihan boleh berlaku dalam perbincangan dan memberikan kesan terhadap perbualan (Liddicoat, 2011). Ruang peralihan menghasilkan kesenyapan ketika perbualan berada dalam konteks atau tafsiran yang berbeza, terutamanya apabila kesenyapan berlaku pada akhir ujaran.

Apabila lebih daripada seorang yang bercakap pada satu-satu masa, berlaku pertindihan, sama ada pada awal ujaran atau akhir ujaran. Perbincangan yang melibatkan lebih daripada dua orang dalam satu-satu masa merupakan contoh yang menunjukkan bahawa dua penutur bercakap serentak dalam masa yang sama. Contoh transkripsi yang menunjukkan pertindihan ini dapat dilihat dalam Jadual 9.

Jadual 9 Transkripsi yang menunjukkan pertindihan.

Baris	Pemeran	Transkripsi
2	Wartawan 1	Assalamualaikum Tan Sri. Aaa ... Tadi Tan Sri ada kata kebanyakannya ... kebanyakannya kesekarang adalah kes aaa ... sporadic. Kes aaa ... semakin meningkat dengan pelbagai varian yang muncul. Jadi (.) adakah negara sekarang berada pada gelombang keempat COVID-19. Terima [kasih].
3	TSDNH	Kita masih memantau]. Jadi kita dah kata <i>spread case</i> aaa ... <i>kes sporadic</i> meningkat ya. Aaa ... varian-varian aaa ... yang: yang: dikesan hanya 56 varian tetapi kes-kes sporadic lebih kepada kes-kes kluster (.) Jadi, maksudnya kes-kes sekarang ni ada dalam komuniti. Jadi, kita kena ambil hati-hati aaa ... untuk pastikan kita tidak dijangkiti dalam komuniti. Kalau kita tidak ambil tindakan kepatuhan kepada SOP, tidak memakai pelitup muka, aaa ... tak ada penjaraan fizikal dan tak kerap membasuh tangan dan tempat-tempat yang sempit, tempat-tempat yang sesak dan kita bersempang dengan dekat. Kemungkinan kita dijangkiti amat tinggi. Dan ↑ keupayaan vaksinasi masih dalam peringkat awal. Jadi, kita tak boleh bergantung kepada vaksinasi lagi ↑ Tapi apa yang pasti ialah kita kena amalkan, iaitu tindakan kesihatan awam, patuh kepada SOP supaya elak dijangkiti.

Jadual 9 menunjukkan bahawa pertindihan berlaku dalam sidang media ini. Pertindihan tersebut berlaku pada akhir ujaran wartawan. Liddicoat (2011) menyatakan bahawa pertindihan yang berlaku semasa perbualan boleh menyebabkan berlakunya gangguan. Hal ini dikatakan demikian kerana pertindihan akan mengakibatkan maklumat yang disampaikan menjadi kabur. Dalam sidang media ini, wartawan mengujarkan **Terima kasih** dan TSDNH bertindak mengambil giliran seterusnya. Namun begitu, berlaku pertindihan pada ujaran akhir wartawan, iaitu “... **kasih**” dan ujaran awal TSDNH, iaitu **Kita ...** TSDNH mengambil giliran kerana beranggapan bahawa wartawan akan mengakhiri soalan dengan ujaran **Terima kasih**. Namun begitu, TSDNH mengambil giliran terlebih awal, iaitu semasa wartawan belum selesai menghabiskan ujarannya. Walaupun begitu, pertindihan ini tidak mengganggu sesi tanya jawab kerana tidak terlalu ketara dan masih boleh diperbaiki. Oleh itu, TSDNH meneruskan ujaran walaupun pada awalnya berlaku pertindihan.

Pasangan Bersebelahan

Pasangan bersebelahan merujuk urutan yang terdapat dalam perbualan. Satu daripada perkara penting dalam kajian analisis perbualan ialah pasangan bersebelahan (Liddicoat, 2011:140). Pasangan bersebelahan ialah urutan bagi dua ujaran yang bersebelahan yang dihasilkan oleh penutur berbeza. Pasangan bersebelahan merupakan dua proses berbeza yang dihasilkan oleh penutur semasa yang memberikan ujaran, kemudian penutur seterusnya mengenal pasti bahawa ujaran kedua haruslah berkaitan dengan ujaran pertama. Pasangan bersebelahan merupakan bentuk giliran perbualan paling minimum yang berlaku dalam bentuk berpasangan.

1. Salam–Memberikan Salam

Perbualan yang berlaku biasanya dimulakan dengan cara mengucap salam kepada penutur seterusnya oleh penutur semasa. Salam yang diberikan mempunyai pasangannya untuk maklum balas seterusnya. Berdasarkan konteks ini, pengkaji memperlihatkan salam yang diujarkan oleh penutur di Malaysia berbanding dengan penutur di barat seperti yang dinyatakan oleh Liddicoat (2011). Contoh transkripsi yang menunjukkan ucapan salam ini diperlihatkan dalam Jadual 10.

Jadual 10 Transkripsi yang menunjukkan pasangan bersebelahan: Salam–memberikan salam.

Baris	Pemeran	Transkripsi
30	Wartawan 9	<i>Good evening Tan Sri (.) Coming from Malaysian Insight. Tan Sri you mentioned that about gathering: ... try to avoid large crowd and everything. Aaa ... thinking to controlation due to MCO 3.0, Selangor have already suspended at Bazar but KL are still (.) continue. So, that is also leading people to gathering huge number maybe you can advice on that Tan Sri.</i>
31	TSDNH	<i>Good evening. So we have a meeting (.) and then i think we collective the decision and look into this aaa ... this is extra ordinary times. So we need extra ordinary (awwhhh)</i>

Jadual 10 menunjukkan bahawa dalam sidang media ini, terdapat pasangan bersebelahan: Salam–memberikan salam. Perkara ini merujuk wartawan 9 yang mengajukan **Good evening** pada baris 30 kepada TSDNH dan pada baris 31, TSDNH memberikan maklum balas dengan cara membala sapaan wartawan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa wujud pasangan bersebelahan terhadap ujaran ini kerana ujaran salam diberikan maklum balas dengan cara memberikan salam semula. Ujaran **Good evening** yang digunakan oleh wartawan 9 menunjukkan bahawa wartawan 9 bukan beragama Islam. Melalui ujaran yang digunakan juga, kita dapat menggambarkan agama dan bangsa wartawan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana penutur beragama Islam biasanya memberikan salam, iaitu **Assalamualaikum** untuk menyapa seseorang. Penggunaan ucapan salam ini juga bertujuan untuk meminta izin bagi memulakan perbualan. Dalam kajian ini, walaupun TSDNH beragama Islam, beliau turut memberikan maklum balas **Good evening** kepada wartawan 9 kerana ujaran tersebut dimulakan oleh wartawan itu.

Pembetulan

Pembetulan ialah asas perbincangan dan digunakan untuk membetulkan maklumat yang disampaikan, sama ada melalui penutur semasa atau penutur

seterusnya. Pembetulan merujuk proses yang dilakukan oleh peserta untuk mengatasi masalah yang berlaku dalam perbualan. Idea pembetulan ini dibangkitkan beberapa kali dalam perbincangan (Liddicoat, 2011:140). Pembetulan diaplikasikan dalam semua peringkat perbincangan bermula daripada sistem ambil giliran.

1. Pembetulan yang Dimulakan oleh Diri Sendiri

Pembetulan yang dimulakan oleh diri sendiri merujuk penutur semasa membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh dirinya sendiri. Contoh transkripsi yang menunjukkan pembetulan yang dimulakan oleh diri sendiri ini ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11 Transkripsi yang menunjukkan pembetulan yang dimulakan oleh diri sendiri.

Baris	Pemeran	Transkripsi
3	TSDNH	Kita masih memantau]. Jadi kita dah kata spread case aaa ... kes sporadic meningkat ya. Aaa ... varian-varian aaa ... yang: yang: dikesan hanya 56 varian tetapi kes-kes sporadik lebih kepada kes-kes kluster (.)

Jadual 11 menunjukkan bahawa terdapat aspek pembetulan yang dimulakan oleh diri sendiri. TSDNH memberikan maklumat yang berkaitan dengan COVID-19. Namun begitu, baris 3 menunjukkan bahawa TSDNH menyebut **spread case**, iaitu beliau menggunakan istilah dalam bahasa Inggeris. Hal ini berikutan terdapat banyak istilah yang berkaitan dengan COVID-19 yang diserap daripada bahasa Inggeris. Perkara ini dimaklumi kerana pandemik COVID-19 merebak luas di luar negara, khususnya negara yang menggunakan bahasa Inggeris. Maka, istilah yang digunakan di Malaysia juga merujuk istilah bahasa Inggeris sebagai sumber (Junaini et al., 2020:223). Kemudian, beliau bertindak membetulkan semula ujaran beliau dengan menggunakan bahasa Melayu, iaitu dengan menggunakan frasa **kes-kes sporadik**. Walaupun ujaran yang dibetulkan oleh TSDNH bukan bermaksud **spread case**, beliau menyedari bahawa ujaran itu tidak bersesuaian dengan konteks yang ingin disampaikan. Oleh itu, TSDNH membetulkan ujarannya agar maklumat yang disampaikan itu dapat diterima dengan jelasnya oleh masyarakat. Sekiranya beliau

memberikan maklumat yang salah atau kabur, maklumat yang disampaikan itu menjadi tidak tepat. Selain itu, TSDNH juga membetulkan ujarannya berdasarkan penggunaan bahasa. Pada awalnya, beliau menggunakan bahasa Melayu untuk memberikan maklumat. Setelah menyedari bahawa beliau menggunakan bahasa Inggeris iaitu *spread case*, beliau membetulkan ujaran tersebut dengan menggunakan ujaran dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa TSDNH melakukan pembetulan yang dimulakan untuk kefahaman beliau sendiri, serta masyarakat.

2. Pembetulan Lain yang Dimulakan oleh Orang Lain

Pembetulan lain yang dimulakan oleh orang lain menunjukkan bahawa penutur seterusnya membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh penutur semasa dan penutur semasa membetulkan ujaran tersebut berpandukan maklumat yang diberikan. Contoh transkripsi yang menunjukkan pembetulan lain yang dimulakan oleh orang lain ditunjukkan dalam Jadual 12.

Jadual 12 Trankripsi yang menunjukkan pembetulan lain yang dimulakan oleh orang lain.

Baris	Pemeran	Transkripsi
12	Wartawan 5	Assalamualaikum Tan Sri. Ada dua soalan untuk Tan Sri (.) Soalan pertama adakah betul (.) benar surat yang diedarkan kepada Pengarah Negeri seperti yang tular semalam. Dan yang kedua, jika seseorang itu ada gejala, mungkin dia boleh buat saringan di klinik ataupun di mana-mana [aaa ...
13	TSDNH	Ulang sekali lagi]
14	Wartawan 5	Aaa ... bagi yang ada gejala mungkin dia buat saringan di klinik ataupun di kemudahan fasiliti kerajaan atau swasta. Bagi yang tanpa gejala, apa syor daripada kerajaan, aaa ... kementerian untuk aaa ... mereka yang tanpa gejala [ini.
15	TSDNH	Soalan pertama] (0.2)

Sambungan Jadual 12.

Baris	Pemeran	Transkripsi
16	Wartawan 5	Yang tanpa gejala apa yang kementerian [boleh cadang ...]
17	TSDNH	Soalan pertama]
18	Wartawan 5	Yang [mana?]
19	TSDNH	Soalan pertama?]
20	Wartawan 5	Yang pertama yang surat yang tular semalam [untuk pengarah.]

Jadual 12 menunjukkan pembetulan lain yang dimulakan oleh orang lain. Pembetulan lain yang dimulakan orang lain merujuk TSDNH yang meminta wartawan untuk membetulkan ujarannya. Baris 13 menunjukkan bahawa terdapatnya pertindihan pada akhir ujaran wartawan dan TSDNH meminta wartawan 5 untuk mengulang soalan. Baris 14 pula menunjukkan bahawa wartawan 5 mengulang soalan yang diminta oleh TSDNH. Namun begitu, soalan yang diajukan oleh wartawan 5 tidak seperti yang diminta oleh TSDNH dan menyebabkan TSDNH mencelah, serta mengujarkan **Soalan pertama**. TSDNH mengulang ujaran yang sama, iaitu '**Soalan pertama**' sebanyak tiga kali kerana wartawan 5 masih tidak menyatakan soalan yang diminta, sebaliknya masih mengulang soalan kedua. Baris 20 pula menunjukkan wartawan 5 menyedari kesilapannya, lalu membetulkan ujarannya dengan mengajukan soalan pertama. Hal ini jelas menunjukkan bahawa wartawan 5 membetulkan kesilapannya dengan mengajukan soalan kedua, sedangkan TSDNH memintanya untuk mengulang soalan pertama.

Penutup Perbualan

Penutup perbualan merupakan struktur terakhir dalam sesuatu interaksi. Setiap perbualan akan mempunyai penghujungnya, iaitu penutup perbualan bagi mengelakkan perbualan tersebut tergantung. Ujaran penutup ini biasanya akan diujarkan oleh pemeran utama, iaitu TSDNH untuk

menutup sesi tanya jawab yang sedang berlangsung. Contoh transkripsi yang menunjukkan penutup perbualan ini dipaparkan dalam Jadual 13.

Jadual 13 Transkripsi yang menunjukkan penutup perbualan.

Baris	Pemeran	Transkripsi
32	TSDNH	Ok kalau tak ada soalan sekali lagi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada sesi sidang akhbar hari ini dan ↑ saya mengingatkan diri saya sendiri untuk kita patuh kepada SOP. Kita kena jaga kita, kita kena jaga keluarga kita, kita kena jaga <u>komuniti</u> kita dan kita kena jaga negara. ↓ Wabillahi taufiq wal hidayah. Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Selamat berpuasa dan selamat berbuka. ↓

Jadual 13 menunjukkan bahawa TSDNH memberikan ujaran untuk menutup sidang media ini. Baris 32 menunjukkan bahawa TSDNH mengambil giliran dengan memberikan ujaran yang menunjukkan bahawa beliau akan menutup sesi tanya jawab tersebut. Namun begitu, Liddicoat (2011) menyatakan bahawa apabila berlaku keadaan senyap selepas penutur semasa memberikan ujaran, tidak semestinya perbualan telah sampai ke penghujungnya. Biasanya, keadaan senyap ini menunjukkan bahawa penutur memerlukan masa selama beberapa saat sebelum meneruskan ujaran. Sebaliknya, jika penutur semasa ingin menamatkan perbualan, penutur tersebut perlu menggunakan amalan yang dirancang supaya perbincangan lebih lanjut tidak diadakan. Biasanya, ujaran ini akan disampaikan oleh TSDNH sebagai simbol bahawa beliau akan menamatkan perbualan.

Ujaran **terima kasih** menandakan penanda santun bagi ujaran penutup perbualan. Hal ini dikatakan demikian kerana penghargaan melalui ucapan terima kasih merupakan cerminan amalan berbudi bahasa (Beden, 2020:7). Ungkapan **terima kasih** ialah bentuk yang ringkas dan mudah bagi menyatakan rasa terima kasih dan penghargaan terhadap seseorang yang telah melakukan sesuatu yang baik tanpa mengambil kira usianya (Maslida et al., 2022) Penanda santun merujuk kesimpulan

bagi perbualan dan petunjuk untuk mengakhiri perbualan. Ujaran **terima kasih** dalam sidang media ini menunjukkan bahawa TSDNH menghargai usaha wartawan yang mengajukan soalan bagi mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan isu semasa, iaitu COVID-19. Selain itu, TSDNH juga memberikan ayat penyataan, iaitu dengan memberikan nasihat kepada masyarakat agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh KKM. TSDNH mengujarkan, **Wabillahi taufiq wal hidayah. Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Selamat berpuasa dan selamat berbuka.** Ujaran yang merujuk seluruh umat Islam yang berpuasa pada bulan Ramadan serta akan berbuka puasa tidak lama lagi ini menunjukkan bahawa TSDNH beragama Islam. Ujaran ini juga menunjukkan bahawa sidang media ini diadakan pada bulan Ramadan kerana masyarakat beragama Islam akan berbuka puasa.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sidang media COVID-19 KKM pada 8 Mei 2021 mematuhi sembilan prinsip struktur interaksi. Semua prinsip ini dipatuhi oleh TSDNH dan wartawan. Wujud keteraturan turutan perbualan antara pemeran semasa sesi tanya jawab sedang berlangsung. Walaupun berlaku pertindihan antara pihak kerajaan dengan wartawan, perkara ini tidak mengganggu kelancaran sidang media COVID-19 KKM. Hal ini dikatakan demikian kerana celahan dan pertindihan yang berlaku bertujuan untuk membantu dan menambah maklumat yang berkaitan antara TSDNH dengan wartawan.

Melalui dapatan kajian ini, dapat dilihat bahawa wujudnya penggunaan rujukan hormat yang merujuk TSDNH dengan panggilan Tan Sri. Perkara ini menunjukkan bahawa wujud perkaitan sosial yang memerlukan pemeran menggunakan sapaan yang lebih formal (Asmah, 2010:6). Dalam hal ini, TSDNH mempunyai kuasa untuk menyalurkan maklumat kepada wartawan. Hal ini menyebabkan wartawan menghormati beliau dengan menggunakan rujukan hormat atau kata sapaan, sama ada Tan Sri atau Dr. Noor Hisham. Aspek kesantunan juga diperlihatkan dalam sidang media ini kerana masyarakat di Malaysia mementingkan aspek kesantunan dalam perbualan, iaitu penggunaan bahasa yang sopan. Perkara ini juga disokong oleh Indirawati dan Arina (2018:169) yang menyatakan bahawa aspek kesantunan mempengaruhi budaya masyarakat bagi memastikan impak yang tinggi pada kualiti kesantunan melalui komunikasi secara

langsung. Seterusnya, penggunaan kata sapaan juga dapat menunjukkan corak perbualan yang lebih teratur dan sopan dalam sidang media.

Oleh itu, struktur interaksi ini dapat menentukan keberkesanan penyampaian maklumat yang disalurkan oleh kerajaan dan wartawan. Struktur interaksi memberikan pengaruh yang besar terhadap pengguna bahasa bagi memahami struktur interaksi dan kandungan maklumat dalam sidang media.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana membayai yuran seminar dan artikel yang berkaitan dengan kajian ini.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Wacana temu duga dan wawancara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah perkembangan aliran pemikiran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azean Idurwani. (2018). *Susunan interaksi dalam program pengacaraan Wanita Hari Ini* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Beden, S. (2020). Kesejarahan kesantunan bahasa dalam perutusan pakej rangsangan ekonomi prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*, 24(1), 51–80.
- Bernadas, C. J. M. A., & Llagan, K. (2020). Journalism, public health, and COVID-19: Some preliminary insights from the Philippines. *Media International Australia*, 177(1), 132–138.
- Clayman, S. E. (2013). Conversation analysis in the news interview. Dlm. Sidnell, J & Stivers, T. (Eds.), *The handbook of conversation analysis*. Blackwell.
- Creswell, J. W., & Creswel, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (5th Ed.). Sage Publications Inc.
- Heritage, J. (1992). *Garfinkel and ethnmethodology*. Polity Press.
- Hutchby, I. (2005). *Media talk: Conversation analysis and the study of broadcasting*. Open University Press.
- Indirawati Zahid & Arina Johari. (2018). Kesantunan Melayu: Analisis konteks perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(4), 168–185.

SHAMIN SHARIF DAN MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB

- Jefferson, G. (2004). Glossary of transcript symbols with an introduction. Dlm. G. H. Lerner (ed.), *Conversation analysis: Studies from the first generation*. 13–23, John Benjamins.
- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira. (2020). Covid-19 dalam korpus perilstilan bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(3), 221–241. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-13>
- Liddicoat, J. A. (2011). *An Introduction to conversation analysis*. Athenaeum Press Ltd.
- Maslida Yusof, Rusmadi Baharudin, Salinah Ja'afar & Karim Harun. (2022). Lakuan tutur terima kasih: Strategi pragmatik yang digunakan dalam kalangan generasi Z Melayu. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 1–28.
- Mohamad Elmy & Exzayaran. (2020). Analisis neologisme: COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 58–79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.5.2020>
- Nur Amirah Che Soh. (2015). *Struktur perbualan dalam filem Anak Bapak* [Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Nur Amirah Che Soh. (2020). *Giliran bertutur dalam bual bicara radio tempatan* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Roslina Mamat. (2004). *Analisis perbualan penutur asli bahasa Jepun: Satu kajian pengambilan giliran dan aizuchi* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan dalam perbualan pemandu pelancong Malaysia dan pelancong Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(3), 849–863.
- Rosmah Derak, Nor Ain Manap & Arfah Ahamad. (2020). Impak pandemik COVID-19 dalam penulisan puisi di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 49–57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.5.2021>
- Sacks, H., Schegloff, E. A., & Jefferson, G. (1974). A simplest systematics for the organization of turn-taking for conversation. *Language*, 50(4), 696–735.
- Sanchez, J. C. A., Guibarra, N. I. L., & Zamora, P. P. (2021). Media agenda and press conferences on COVID-19 in Mexico: An analysis of journalists' questions. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 1–12.
- Sidang media Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. (2021, 8 Mei). Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=yPCHEsQKrko&t=3057s>

- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron. (2021). Daya ujaran dalam wacana perutusan perdana menteri mengenai COVID-19. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (Edisi Khas), 72–80. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.7.2021>
- Ten Have, P. (2007). *Doing conversation analysis: A practical guide*. Sage.
- Usami, M. (2000). Basic transcription system for Japanese no kaihatsu ni tsuite. <http://nihongo.human.metrou.ac.jp/mic-J/houousho/mojika.html>
- Wooffitt, R. (2005). *Conversation analysis and discourse analysis a comparative and critical introduction*. SAGE Publications.